

Peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad s.a.w bukan sahaja menjadi satu keyakinan, bahkan penuh dengan contoh tauladan bagi umat Islam. Lebih-lebih lagi di zaman Sains dan Teknologi ini manusia lebih cepat menerima dan meyakinkan peristiwa Israk dan Mikrajnya Nabi Muhammad s.a.w dengan adanya segala kenderaan yang cepat seperti kapalterbang, roket dan jet, telah membuktikan akan kebenaran peristiwa Israk dan Mikrajnya Nabi Muhammad s.a.w dari Masjidil Haram di Makkah al-Mukarramah ke Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis (Palestine) dengan hanya menggunakan masa yang sangat singkat sekali.

### **APAKAH PENGERTIAN ISRAK**

Pengertian Israk ialah perjalanan di waktu malam. Yang dimaksudkan di sini ialah perjalanan Nabi Muhammad s.a.w yang telah diperjalankan oleh Allah s.w.t dari kota Mekkah ke Baitul Maqdis, yang jaraknya kira-kira seribu batu, dalam masa lebih kurang empat jam pergi dan balik. Ini membuktikan kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, yang mana pada masa itu belum ada rekaan-rekaan yang berkenaan dengan kenderaan-kenderaan yang laju dan cepat, hanya pada masa yang akhir-akhir ini sahaja baharu manusia mengenal segala kenderaan yang moden dan automotik, tetapi bagi kita umat Islam telah lebih dulu mengetahuinya dengan berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad s.a.w yang mengendarai satu kenderaan yang luar biasa ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak ada tolok bandingnya sehingga hal ini. Dan sebelum ada satu pun

tunggangan atau kenderaan yang dapat menyamai kenderaan Nabi Muhammad s.a.w.

Peristiwa yang bersejarah dalam Islam itu telah berlaku pada malam 27hb. Rejab tahun 621 Masehi (setahun sebelum Hijrah) sedang Nabi Muhammad s.a.w berbaring di rumah sepupunya, Ummi Hani Binte Abu Talib. Pada waktu tengah malam yang sunyi tiba-tiba datanglah malaikat Jibril a.s dan Mikail membawa Nabi Muhammad s.a.w ke telaga zamzam. Di sana telah dilakukan satu pembedahan ke atas dada Nabi Muhammad s.a.w. Dibersihkan dari kekotoran zahir dan batin dengan air zam-zam. Dipenuhi ke dalam hati Nabi Muhammad s.a.w Iman, Yakin, Hikmat, dan Ilmu, iaitu satu kelengkapan bagi Nabi s.a.w yang hendak menembusi langit dan berjumpa dengan Allah s.w.t .

Ini adalah kali yang kedua Nabi s.a.w telah dibedah. Kali yang pertama ialah semasa dalam jagaan Halimatus Sa'diah waktu umur Nabi Muhammad s.a.w empat tahun. Ini bukanlah bererti hati Nabi s.a.w itu kotor tetapi adalah satu contoh bagi kita umat Islam, iaitu barangsiapa yang hendak mendampingi Allah, berkehendakkan maqam yang tinggi disisi Allah, maka syarat yang pertama sekali ialah dengan membersihkan hati dan sifat-sifat yang kotor sesudah memiliki ilmu pengetahuan, kerana hati itu adalah tempat perhatian Allah Subhanahu Wata'ala. Setelah itu dihiasi dengan sifat-sifat yang terpuji yang telah diterangkan dalam kitab-kitab Tasauf.

Maka sesudah dibedah oleh malaikat Jibril a.s dengan tidak merasa apa-apa: kesakitan dirapatkan semula dengan tidak ada bekas atau kesannya. Setelah itu didatangkan satu kenderaan yang bernama Buraq iaitu satu binatang dari syurga yang luar biasa. Jika mendaki gunung kaki hadapannya pendek dan kaki belakangnya panjang. Jika menuruni gunung panjanglah kaki hadapannya dan pendeklah kaki belakangnya. Adapun rupanya seakan-akan kuda dan rendah sedikit daripada kuda, tersangat cepat perjalanannya seperti kilat, MASHA ALLAH! ALLAHU AKBAR!

Ini juga satu contoh bagi kita umat Islam. Mengapakah Nabi s.a.w diperjalankan dari Mekkah ke Baitul Maqdis dengan menggunakan kenderaan? Bukankah Allah lebih berkuasa memperjalankan hamba-Nya dengan tidak menggunakan kenderaan; bahkan dengan sekelip mata pun Allah berkuasa! Tiap-tiap sesuatu kejadian Allah s.w.t ada menfaatnya kepada hamba-Nya.

Tujuannya yang pertama ialah kalaulah dengan sekelip mata dan tidak menggunakan kenderaan sudah tentu Nabi s.a.w tidak dapat diperlihatkan segala tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah s.w.t dengan sempurna.

Tujuan yang kedua ialah untuk menjadi iktibar kepada umat Islam. Sedangkan Nabi s.a.w, kekasih Allah s.w.t menggunakan kenderaan dari Mekkah ke Baitul Maqdis, apatah lagi kita sebagai umatnya. Perjalanan yang sama-sama kita maklumi yang akan kita tuju bersama sangatlah jauh dan sukar, tidak ada teman dan tidak